

# Kabinet kecil, anggota cekap mantapkan pentadbiran

Tindakan elak pertindihan kuasa antara kementerian

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengecilan saiz Kabinet dengan pemilihan barisan anggota yang berwibawa akan mewujudkan pentadbiran kerajaan yang cekap tanpa ada lagi kementerian atau ahli Jemaah Menteri yang dilihat tidak berfungsi.

Justeru, penganalisis politik dan ahli ekonomi berpendapat, beberapa kementerian dalam kerajaan yang bakal dibentuk selepas Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU) nanti, perlu digabungkan bagi mengelak pertindihan tugas dan tanggungjawab.

Antaranya adalah Kementerian Pendidikan (KPM) dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dengan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) atau Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Selain itu, Kementerian Pe-



rusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Kerja Raya (KKR) dengan Kementerian Pengangkutan (MOT), manakala Kementerian Perpaduan Negara dimansuhkan.

## Elak ter hutang budi

Felo Kanan Akademi Penye lidikan Strategik Nusantara (NASR), Azmi Hassan, berkata keanggotaan Kabinet selepas PRU15 tidak boleh lagi dibuat dengan mengambil kira kuota parti disebabkan ter hutang budi atau mahu berterima kasih.

Sebaliknya, beliau menegaskan, Jemaah Menteri perlu dibentuk mengikut kemampuan calon untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

"Jika kita lihat, saiz besar Kabinet Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini sebenarnya diwarisi daripada pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Kabinet ketika itu dilihat dibentuk sebagai 'ucapan terima kasih' kepada parti yang menyokong (kerajaan). Ini termasuk jawatan Duta Khas Perdana Menteri ke Asia Barat, China dan Asia Timur," katanya semalam.

Kabinet diwarisi Ismail Sabri sebelum ini mempunyai 31 menteri, termasuk empat menteri kanan dan 38 timbalan menteri.

Azmi berkata, ada juga kementerian yang mempunyai sehingga dua timbalan menteri bagi mengisi kuota parti, sedangkan ada timbalan menteri yang dilihat tidak berfungsi.

"Bagi saya, seorang timbalan menteri sudah cukup untuk membantu menteri, terutama bagi kementerian penting.

"Ada kementerian tidak perlu timbalan menteri pun kerana menteri mampu menjalankan tugas dengan bantuan penjawat awam di kementerian," katanya.

Malam kelmarin, Ismail

Sabri pada program Ruang Bicara Khas Kestabilan dan Ke makmuran Bersama Perdana Menteri yang disiarkan di beberapa stesen televisyen utama, memberi komitmen untuk mengecilkan saiz Kabinet jika Barisan Nasional (BN) menang PRU15.

Beliau juga memberi jaminan keanggotaan Jemaah Menteri bakal dibentuknya jika BN mendapat mandat rakyat pada Sabtu ini, akan turut diisi tenaga teknokrat.

Sementara itu, Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata Kabinet lebih kecil akan mengurangkan kos kerajaan, namun anggotanya mesti cekap dan profesional.

"Beberapa kementerian perlu digabungkan kerana berlaku pertindihan dalam peranan, selain kementerian seperti Kementerian Perpaduan Negara perlu ditutup.

"Lantikan anggota Kabinet mesti berdasarkan kemampuan dan kewibawaan, tidak semestinya wakil parti," katanya.



Azmi Hassan